



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
(*Department of Irrigation and Drainage, Malaysia*)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
(*Ministry of Natural Resources and Environment*)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50626 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



<http://www.water.gov.my>

Telefon: 03-26972828 Fax: 03-26987973, 26972412, 03-26972411, 26971025 Email: pro@water.gov.my

(47)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

8 April 2010

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah JPS Negeri

Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

Surat Arahan KPJPS

PELARASAN KEMUNASABAHAN HARGA DAN KADAR HARGA DALAM KONTRAK

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Tuan, semasa permohonan Kelulusan Perubahan Kerja(KPK) di peringkat Ibupejabat JPS, pihak Jawatankuasa mendapati terdapat beberapa projek yang kadar harga kontraknya adalah tidak munasabah. Ini berlaku disebabkan oleh pihak yang menyediakan Dokumen Kontrak projek tersebut telah tidak membuat pelarasan harga terhadap kadar harga di dalam Dokumen Kontrak sebelum ditandatangani oleh Kerajaan dan Kontraktor. Ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan sekiranya kadar harga yang terlalu tinggi tidak diselaraskan dan kerugian kepada pihak Kontraktor sekiranya pelarasan terhadap kadar harga yang terlalu rendah tidak dibuat. Kadar harga perlulah diselaraskan agar ianya realistik bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tersebut di atas.

3. Klaus 26.2 Syarat-syarat Kontrak JKR 203A (Rev. 2007) ada memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk membuat sebarang pelarasan terhadap harga dan kadar harga di dalam Senarai Kuantiti sekiranya harga dan kadar harga yang dimasukkan oleh Kontraktor semasa tender didapati tidak

munasabah sebelum sesuatu tender itu boleh diterima. Walaubagaimanapun, menurut Klaus 26.3 syarat-syarat kontrak yang sama, pelarasan terhadap harga dan kadar harga ini hendaklah tidak mengubah jumlah harga yang yang ditawarkan oleh kontraktor seperti yang dinyatakan dalam Borang Tender.

4. Bagi mengelakkan masalah kadar harga kontrak yang tidak munasabah digunakan dalam permohonan KPK serta lain-lain perkara seperti Bayaran Interim berulang, semua pejabat yang menyediakan dokumen kontrak adalah diingatkan untuk mematuhi Klaus 26.2 syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di para 3 surat ini. Pelarasan harga ini hendaklah dibuat sebelum kontrak yang formal ditandatangani oleh Kerajaan dan Kontraktor.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"


2 (DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia
- Pengarah Kanan JPS Malaysia
- Pengarah, Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak.
- Juruukur Bahan Ibu pejabat